

#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

37
Hari

13
Jam

52
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

KPM perinci guru terima vaksin fasa pertama



Oleh [Mohd Nasaruddin Parzi](#) - Februari 21, 2021 @ 5:51pm
bhnews@bh.com.my



Foto hiasan.

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan (KPM) akan memperincikan penerima vaksin daripada kumpulan guru yang berisiko tinggi mendapat jangkitan COVID-19.

Menterinya, Datuk Dr Radzi Jidin, berkata perincian itu akan ditentukan bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Kesihatan (KKM).

"Sebentar tadi YB Menteri MOSTI (Khairy Jamaluddin) menyatakan guru berisiko tinggi mengalami kesan negatif daripada jangkitan COVID-19 adalah antara penerima vaksin dalam fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bersama-sama petugas barisan hadapan lain.

"Permohonan KPM supaya kumpulan ini diberi keutamaan dalam fasa pertama disambut baik oleh MOSTI dan KKM. KPM bersama-sama MOSTI dan KKM akan terus memperincikan perkara ini," katanya dalam satu kenyataan di Facebook beliau hari ini.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 6m ○ [Mengantarabangsakan bahasa Melayu perlu kerjasama](#)
- 9m ○ [Nasi lemak pandan, bunga telang jana pendapatan hotel](#)
- 23m ○ [Cara saya masih terbaik dunia - Mourinho](#)
- 27m ○ [Petaka](#)
- 27m ○ [Calon SPM bersedia duduki peperiksaan walaupun gementar](#)
- 34m ○ [Tune Protect tinjau potensi sektor insurans ASEAN](#)
- 41m ○ [Himpun guru berbakat kongsi idea, pengajaran](#)
- 43m ○ [Program vaksinasi percepat pemulihan ekonomi](#)

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Perdana Menteri lancar Buku Panduan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan esok**
- **Program imunisasi COVID-19 perlu 13,000 petugas, sukarelawan**
- **COVID-19: KKM sudah menghubungi lapan calon vaksin**
- **3 fasa program imunisasi mulai akhir bulan ini**

Sementara itu, pada sidang media pagi tadi, Khairy menjelaskan kerajaan menerima banyak permohonan daripada pelbagai pihak termasuk guru untuk memperoleh vaksin menerusi fasa pertama berikutan keputusan KPM membuka semula sekolah pada 1 Mac ini.

Katanya, kerajaan sudah menetapkan bahawa fasa pertama penerimaan satu juta dos vaksin akan diagihkan kepada 500,000 anggota barisan hadapan sama ada petugas kesihatan atau bukan petugas kesihatan.

"Saya bincang dengan Ketua Pengarah Kesihatan (Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah) tadi dan akan bawa dalam jawatankuasa yang dipengerusikan saya dan (Menteri Kesihatan, Datuk Seri) Dr Adham (Baba) minggu depan.

"Saya akan minta Menteri Pendidikan untuk memberi kami senarai guru dengan komorbiditi untuk dimasukkan dalam penerima fasa pertama. Ya... kita cuba untuk agih kepada guru untuk fasa pertama, kita beri tapi bergantung kepada penilaian risiko. Kami tidak dapat memberi vaksin kepada semua guru sekali gus," katanya.

TRENDING



ASEAN 10 jam yang lepas

COVID-19: Singapura siasat pemandu lori rakyat Malaysia



NASIONAL Feb 21, 2021 @ 3:29pm

Wanita kudung sebelah kaki ditinggalkan keluarga di tepi jalan



SELEBRITI Feb 21, 2021 @ 3:00pm

Acha belum bersara



SELEBRITI Feb 21, 2021 @ 11:00am

Rita tak 'terhegeh-hegeh' gila talak



NASIONAL Feb 21, 2021 @ 10:15am


Kumpulan pertama vaksin COVID-19 tiba di tanah air

BERITA BERKAITAN




NASIONAL Feb 21, 2021 @ 12:47pm

Teliti kumpulan guru berisiko perlu vaksin awal - Khairy



NASIONAL Feb 21, 2021 @ 2:11pm

GP swasta tersenarai sebagai vaksinator fasa kedua, ketiga



NASIONAL Feb 21, 2021 @ 5:52pm

Lebih 5,000 petugas barisan hadapan HUSM terima suntikan awal vaksin




NASIONAL Feb 21, 2021 @ 4:52pm

Semua yang layak diharap daftar sebagai penerima vaksin COVID-19 - PM



IKUTI KAMI DI:



BERITA

[BHPLUS](#)

[Nasional](#)

[Kes](#)

[Politik](#)

[Pendidikan](#)

[Wilayah](#)

SUKAN

[DUNIA](#)

[HIBURAN](#)

[BISNES](#)

[RENCANA](#)

[WANITA](#)

[HUJUNG MINGGU](#)

MULTIMEDIA

[Foto](#)

[BHTV](#)

[Infografik](#)

LANGGAN

[Akhbar Digital](#)

[Akhbar BH](#)

PERKHIDMATAN

[Iklan Web](#)

[1Klassifieds](#)

[NSTP KLiK](#)